



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	13/7/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	JPNP			

Tiada sebarang aktiviti dibenarkan

HSK Batu Talam sudah diwartakan sebagai hutan tadahan air pada tahun 2002

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam seluas 62,070 hektar sudah diwartakan sebagai hutan tadahan air pada tahun 2002.

Pegawai Pejabat Hutan Daerah Raub, Shahril Mohamad berkata, berdasarkan undang-undang, tiada sebarang aktiviti dibenarkan dilakukan di kawasan HSK dan individu yang ingin memasuki hutan berkenaan perlu memiliki permit dikeluarkan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP).

Menurutnya, terdapat tujuh HSK yang diwartakan sebagai kawasan hutan tadahan air di daerah Raub antaranya HSK Batu Talam, HSK Gunung Benom, HSK Teranum, HSK Sungai Sia, HSK Rotan Tinggi dan HSK Bukit Kajang.

"Jadi kita berusaha mengekalkan kawasan tadahan air di daerah ini. Kepentingan mengekalkan kawasan tadahan air perlu diberi perhatian serius kerana ia membabitkan sumber air untuk kegunaan masyarakat setempat dan semua pihak perlu memahami mengenai keperluan berkenaan.


"Tanpa sumber air yang mencukupi pengguna pasti akan menyalahkan kerajaan termasuk agensi berkaitan, justeru, sebelum perkara buruk berlaku tindakan terbaik perlu dilakukan," katanya pada Isnin.

Beliau menjelaskan HSK Batu Talam membekalkan air kepada Sungai Sempam yang mengalir bertemu Sungai Liang dan membentuk Sungai Semantan. Sumber air sungai

berkenaan diproses di Loji Semantan untuk kegunaan pengguna.

Shahril berkata, pihaknya sentiasa bertindak tegas terhadap pihak yang mencerooboh HSK di daerah ini.

"Mereka yang mencerooboh boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Seksyen 47 Akta Perhutanan Negara 1984, sabit kesalahan boleh didenda



Sinar, 13 Jul 2021_13

Tiada sebarang aktiviti dibenarkan dilakukan di kawasan HSK dan individu yang ingin memasuki hutan berkenaan perlu memiliki permit dikeluarkan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP).

sebanyak RM10,000 atau penjara tiga tahun atau keduanya sekali," katanya.

Sementara itu, Shahril berkata, dalam tempoh enam bulan tahun ini, pihaknya telah mengadakan dua operasi tidak termasuk operasi yang sedang berjalan di HSK Batu Talam.

Ujarnya, pihak JPNP sudah menjalankan kerja memutzenahkan

Mereka yang mencerooboh boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Seksyen 47 Akta Perhutanan Negara 1984, sabit kesalahan boleh didenda sebanyak RM10,000 atau penjara tiga tahun atau keduanya sekali."

kira-kira 15,000 pokok durian musang king melibatkan kawasan

seluas kira-kira 101 hektar di HSK Batu Talam.